

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR  
BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]**

**SOALAN**

**YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan MOTAC untuk memastikan kelangsungan dan kelestarian industri perhotelan di mana pada masa ini tidak ada sistem pungutan data yang efektif seperti kadar penginapan dan RevPAR.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman, pada masa ini, statistik rasmi pelancongan antarabangsa di Malaysia dijana melalui data pentadbiran yang diperolehi daripada Jabatan Imigresen Malaysia dan melalui survei yang dilakukan oleh Tourism Malaysia. Pada masa yang sama, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bekerjasama dengan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi menghasilkan statistik tahunan berkaitan pelancongan domestik di Malaysia menerusi Survei Pelancongan Domestik bertujuan melaporkan perangkaan utama mengenai pelawat domestik, perjalanan serta profil sosial dan demografi. Survei ini turut melaporkan data-data berkaitan penginapan seperti taburan pelancong mengikut jenis penginapan dan komponen perbelanjaan pelancong.

2. Sungguhpun begitu, MOTAC berpandangan bahawa masih banyak penambahbaikan yang boleh dilaksanakan ke atas sistem pengumpulan

data sedia. Oleh itu, MOTAC merancang untuk mengadakan kolaborasi bersama agensi penyedia perkhidmatan data penginapan secara intensif bagi membantu dalam pengumpulan dan penyelarasan data yang lebih menyeluruh serta secara “*real-time*” bagi tujuan analisis trend dan pasaran yang lebih tepat dan berkesan. Usaha ini merupakan salah satu daripada perancangan pembangunan Repositori Data Bersepadu MOTAC, dalam menambahbaik aspek pengumpulan dan analisis data berkaitan industri pelancongan negara.

3. Menerusi kolaborasi ini, data penginapan yang diperolehi adalah bersifat *real-time* berdasarkan keperluan dan kehendak pasaran semasa yang kemudiannya dianalisis untuk menjana maklumat seperti *AOR* (*Average Occupancy Rate*), *ADR* (*Average Daily Rate*), *REVPar* (*Revenue per available room*) dan *ARR* (*Average Room Rate*) yang merupakan maklumat yang amat kritikal bagi membantu Kerajaan dalam menambahbaik serta memastikan kemampuan sektor hospitaliti dan pelancongan negara.

4. Selanjutnya, dalam memastikan kelangsungan dan kelestarian industri pelancongan termasuk industri perhotelan, beberapa pakej rangsangan ekonomi (PRE) telah diumumkan oleh Kerajaan seperti seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA. Antara bantuan dan insentif yang disediakan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi PKS sektor pelancongan;
- (ii) pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iv) Program Subsidi Upah (PSU) untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan

**NO. SOALAN : 300**

PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baru mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;

- (v) inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti Skim Pembiayaan PKS PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- (vi) potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan; dan
- (vii) penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar.

5. Di samping itu, sebagai kesinambungan kepada kebenaran rentas negeri dan daerah baru-baru ini, Kementerian akan terus berusaha untuk menyemarakkan pelancongan domestik negara. Antaranya termasuklah memperuntukkan sebahagian besar peruntukan di bawah Belanjawan 2021 bagi Pelan Pemulihan Pelancongan dan Kebudayaan yang merangkumi pelbagai inisiatif menarik kepada rakyat, antaranya baucar penginapan, diskaun destinasi pelancongan, diskaun percutian keluarga, penyemarakkan seni budaya, kempen ‘Meet in Malaysia’, diskaun pakej petugas barisan hadapan, potongan diskaun beli-belah serta diskaun pengangkutan. Inisiatif ini diharapkan dapat merangsang dan menyuntik perbelanjaan domestik secara konsisten dan seterusnya mewujudkan kesan gandaan ekonomi khususnya yang berantaian dengan sektor pelancongan, seni dan budaya.

Sekian, terima kasih.